

7 Januari 2009 (Rabu)

Sentral: MTD dapat bayaran pampasan RM1.197b

Perjanjian tambahan kurang kadar tol Bentong, Gombak

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju membayar pampasan bernilai RM1.197 bilion kepada syarikat konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, MTD Prime Sdn Bhd (MTD) berikutan langkah mengurangkan kadar tol bagi Plaza Tol Bentong dan Gombak. Perkara itu terkandung dalam Perjanjian Tambahan Antara Kerajaan dan MTD bertarikh 12 Disember 2003, yang menyaksikan kadar tol di Plaza Tol Gombak hanya akan meningkat sehingga RM8 berbanding RM18 sebelum perjanjian tambahan itu dibuat bagi kenderaan kelas 1 manakala di Plaza Tol Bentong kadar tol maksimum RM5 akan dikenakan berbanding RM7.70.

Perjanjian tambahan itu juga menyatakan bahawa pembayaran pampasan dibuat menerusi pelbagai mekanisme, termasuk menambah tempoh konsesi kepada MTD untuk tempoh 28 Julai 2026 sehingga 27 Julai 2032. Selain itu, kerajaan juga menyerahkan hak, kuasa pengurusan operasi dan penyelenggaraan serta hak untuk mengutip tol kepada MTD bagi tempoh 28 tahun bermula 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2032 bagi Lebuhraya 11 yang bermula dari Karak sehingga sempadan Terengganu/Pahang. Berdasarkan kadar tol baru yang dipersetujui, bermula 1 Januari 2002 sehingga 2006, kadar tol menurun bagi kenderaan kelas 1 (kereta) dari RM5.60 kepada RM4 dan meningkat semula kepada RM5 bermula 1 Januari 2007 hingga 2011 dan seterusnya RM6.50 (2012-2016) serta RM8 (2017 hingga 2032). Bagi Lebuhraya 11, kadar tol bermula RM12 pada 2005 sehingga 2009 dan akan meningkat RM13.20 (2010-2014), RM14.52 (2015-2019), RM15.97 (2020-2024) dan RM17.57 (2025-2032).

MTD diberi konsesi mengendali, mengurus dan mengutip tol di lebuh raya yang dibahagikan kepada dua iaitu Lebuhraya 1 yang merangkumi Plaza Tol Gombak dan Bentong sepanjang 60 kilometer manakala Lebuhraya 11 bermula dari Karak dan berakhir di sempadan Terengganu/Pahang sepanjang 169 kilometer, yang menghubungkan Pantai Barat Semenanjung ke Pantai Timur bermula dari Karak, Pahang dan berakhir di Cenering, Terengganu.

Bermula 1 Januari lalu, orang ramai boleh membuat semakan semua perjanjian konsesi antara kerajaan dan syarikat konsesi kecuali Maju Expressway yang mengendalikan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya, di Perpustakaan Kementerian Kerjaraya seperti yang dipersetujui Kabinet pada 17 Oktober lalu. Sementara itu, Projek Lebuhraya Timur Sdn Bhd yang mengendalikan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) bersetuju untuk memindahkan hak eksklusif mengutip tol kepada kerajaan jika sebuah agensi pengutip tol berpusat atau badan korporat dilantik bagi tujuan itu. Perkara itu terkandung dalam perjanjian konsesi LPT yang ditandatangani syarikat berkenaan dengan kerajaan pada 9 September 1998.

7 Januari 2009 (Rabu)

Kontraktor tempatan raih kontrak luar negara RM90.2b

SEJUMLAH 99 kontraktor tempatan menawarkan perkhidmatan di 43 negara, membabitkan 456 projek bernilai RM90.2 bilion setakat September 2008, kata Kementerian Kerjaraya. Menterinya, Datuk Mohd Zin Mohamed, berkata jumlah berkenaan merangkumi 363 projek yang sudah siap bernilai RM27.9 bilion, dan 93 projek dalam pembinaan bernilai RM62.3 bilion.

"Kontraktor Malaysia berjaya melakar nama dan memperoleh kontrak pelaksanaan projek di luar negara. Antara negara yang diberi tumpuan ialah Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, Qatar, Libya, Sudan, India dan negara anggota Asean serta negara seperti Syria, Laos dan Turkmenistan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena lawatan Perdana Menteri Syria Mohammad Naji Otri, ke Malaysia. Mohammad Naji tiba di negara ini semalam untuk lawatan rasmi empat hari yang antara lain bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Antara lain, Mohammad Naji menghadiri majlis makan tengah hari dengan peneraju industri Malaysia di Pusat Konvensyen Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Mohd Zin menambah, banyak peluang yang boleh diceburi oleh kontraktor tempatan di pasaran antarabangsa menerusi pendekatan serta bimbingan kerajaan melalui agensi kementerian seperti CIDB. "Kita juga boleh bergerak selangkah lagi menerusi pembabitan secara memberikan pakej perkhidmatan penyelesaian menyeluruh yang merangkumi perunding, kontraktor, pembekal, pembiaya kewangan serta tenaga kerja mahir," katanya. □ Bernama

8 Januari 2009 (Khamis)

LPKP batal permit pengusaha bas sekolah kenakan surcaj

KUALA LUMPUR: Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) akan mula mengambil tindakan pembatalan permit atau menyenaraihitamkan mana-mana pengusaha bas sekolah ingkar yang mengenakan 30 peratus surcaj tambang mereka, mulai minggu depan, kata Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Datuk Markiman Kobiran.

Beliau berkata, tindakan tegas itu terpaksa diambil berikutan kedegilan beberapa pengusaha bas yang seolah-olah mencabar kewibawaan badan pemantau itu walaupun kerajaan sudah mengeluarkan amaran supaya mereka tidak berbuat demikian. "Operasi yang dijalankan LPKP bersama JPJ sejak Isnin lalu mendapat ramai pengusaha bas yang tidak mempedulikan nasihat dan peringatan supaya menang-guhkan dulu kenaikan itu dan menunggu sehingga struktur

baru tambang diumumkan kerajaan sedikit masa lagi. "LPKP akan mengumumkan jumlah pengusaha bas sekolah ingkar berserta tindakan tegas yang diambil minggu depan, sebaik saja operasi selama seminggu yang dijalankan itu selesai," katanya ketika dihubungi, semalam.

Khamis lalu, Markiman dilaporkan berkata, pengusaha bas sekolah di seluruh negara akan berdepan tindakan paling tegas jika mengenakan surcaj bagi tambang bas sekolah seperti yang mereka umumkan sebelum ini. Katanya, LPKP tidak akan melayan ugutan atau cubaan bermain 'tarik tali' daripada Persekutuan Pengusaha Bas Sekolah Semenanjung Malaysia (PPBSSM), selagi kerajaan belum membuat keputusan membenarkan tambang bas sekolah dinaikkan atau mengenakan surcaj.

Sementara itu, Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBGN), Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hassan ketika dihubungi mencadangkan supaya LPKP memberikan kebenaran kepada koperasi sekolah dan PIBG seluruh negara untuk menubuhkan konsortium bas sekolah mereka sendiri. Presiden PPBSSM, Chee Ah Tey pula ketika dihubungi berkata, pihaknya menyerahkan kepada kerajaan untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana pengusaha bas sekolah termasuk daripada ahli persekutuan itu jika mereka didapati melakukan kesalahan.

8 Januari 2009 (Khamis)

Cengal RM360,000 dirampas



KAKITANGAN Pejabat Perhutanan Rompin, Mohd Saufi Abd Rahman mengukur kayu cengal yang dibawa keluar secara haram dari Hutan Simpan Lesong, semalam.

ROMPIN: Jabatan Perhutanan Pahang berjaya merampas 33 kayu cengal bernilai kira-kira RM360,000 yang dimuatkan dalam lima lori ketika sekatan jalan di persimpangan Cenderawasih, di sini, semalam. Turut ditahan 14 lelaki berumur antara 27 hingga 47 tahun yang menjadikan Hutan Simpan Lesong sebagai lokasi mengeluarkan kayu tanpa lesen.

Pegawai Hutan Rompin, Mohd Shahrir Azrin Salleh, berkata pihaknya melakukan intipan dua minggu sebelum mengadakan sekatan jalan jam 3 pagi kelmarin. Beliau berkata, setiap lori membawa antara empat hingga enam kayu cengal dipercayai untuk dihantar ke kilang papan di

Lembah Klang. Katanya, operasi dianggotai 19 penguat kuasa negeri dan daerah itu turut merampas dua pacuan empat roda, dua jentera pengangkat kayu balak dan sebuah kereta Proton Iswara.

"Sindiket berkenaan melakukan kegiatan haram itu secara berperingkat pada masa dan tarikh berbeza untuk mengelak dikesan pihak berkuasa. "Kita percaya kegiatan ini didalangi seorang kakitangan Jabatan Perhutanan Pahang yang digantung perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata, tidak dinafikan kegiatan itu dirancang rapi terutama membabitkan lokasi penebangan balak termasuk penggunaan pas palsu memindah kayu.

Beliau berkata, harga balak terutama cengal mampu mencecah sehingga RM4,000 satu tan juga mendorong kegiatan itu. Katanya, semua yang ditahan akan direman sehingga siasatan selesai dan ditempatkan di lokap Balai Polis Rompin.

8 Januari 2009 (Khamis)

Segelintir salah guna bantuan KWAPM

KETUA Pengarah Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd Dom, baru-baru ini mengumumkan Kementerian Pelajaran memperuntukkan RM3.39 bilion tahun ini sebagai bantuan kepada pelajar keluarga miskin dan kurang berkemampuan bagi memastikan mereka mendapat pendidikan seperti pelajar lain. Daripada jumlah itu, RM400 juta diperuntukkan bagi Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Penubuhan KWAPM diluluskan Dewan Rakyat mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, pada 10 April 2003, selaras dengan pelaksanaan dasar pendidikan wajib (seperti dinyatakan dalam Seksyen 29A Akta Pendidikan 1996) mulai Januari tahun yang sama. Dasar itu mewajibkan ibu bapa atau penjaga menghantar anak bersekolah rendah dari Tahun Satu sehingga Tahun Enam. KWAPM ditubuhkan sejajar dengan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat 'keciciran sifar' murid sekolah rendah yang berpunca daripada kemiskinan.

Kumpulan wang amanah itu diletakkan dalam kelolaan Kementerian Pelajaran. Mengikut laporan, jenis bantuan yang diberikan kepada setiap murid ialah Bantuan Am Pelajar Miskin (RM100 sebulan), Bantuan Yuran Sekolah/Peperiksaan (RM80 setahun), Bantuan Pakaian Sekolah (RM120 setahun), Bantuan Peralatan Sekolah (RM200 setahun) serta Bimbingan dan Latihan (RM50 sebulan), seperti dilaporkan Berita Harian pada 23 Jun 2003. Saya difahamkan, Bantuan Am Pelajar Miskin diberikan dalam bentuk wang hanya kepada pelajar yang keluarganya benar-benar daif, manakala bantuan pakaian dan peralatan sekolah disampaikan kepada semua pelajar miskin. Bagaimanapun, maklumat peringkat akar umbi menyatakan, hanya pada tahun pertama saja bantuan itu diberikan dalam bentuk pakaian dan peralatan sekolah tetapi pada tahun berikutnya hinggalah sekarang, diberikan dalam bentuk wang kepada keluarga pelajar terbabit.

Ada pihak mendakwa ia berikutan rungutan kumpulan sasaran sendiri. Yang mengambil wang itu di sekolah adalah ibu bapa. Walaupun niat kerajaan menubuhkan KWAPM adalah murni, seperti biasa ada pihak yang 'menangguk di air keruh. Guru, guru besar dan pengetua mendedahkan ada golongan yang tidak jujur memalsukan maklumat pendapatan untuk mendapatkan bantuan berkenaan.

"Walhal ada di kalangan mereka yang mempunyai motosikal, kereta, telefon bimbit," kata seorang guru besar. Sekolah berasakan masalah itu sukar diatasi. Sungguhpun setiap kali hendak menerima bantuan berkenaan, taklimat dan ingatan diberikan bahawa ia untuk mereka yang benar-benar miskin saja. Tetapi, bagaimana hendak memastikan siapa di kalangan mereka yang benar-benar layak.

Bukan tidak ada ibu bapa yang jujur meminta namanya dipotong daripada senarai penerima selepas berasakan anaknya tidak lagi layak menerima bantuan berkenaan, tetapi jumlahnya tidak ramai. Yang lain, tak peduli itu semua, yang penting mereka dapat. Bagi golongan ini, hujah al-Quran dan hadis pun tak masuk dalam hati dan kepala mereka. Di kalangan yang layak mendapat bantuan pula, timbul masalah lain iaitu ada yang menyalahgunakannya. Wang itu tidak diguna untuk membeli pakaian dan peralatan sekolah, sebaliknya sebagai belanja harian. Jadi, anak tetap tak datang sekolah juga, atau anak datang dengan pakaian selekeh, seperti rungutan seorang guru besar.

Saya rasa Kementerian Pelajaran patut mengkaji semula bentuk bantuan KWAPM. Mungkin bantuan itu patut diberikan semula dalam bentuk barang iaitu pakaian dan peralatan sekolah. Atau, gunakan kaedah dan prosedur yang sama seperti pemberian Biasiswa Kecil Persekutuan dengan memasukkan terus wang berkenaan dalam akaun simpanan pelajar dan buku itu disimpan oleh sekolah.

Pelajar boleh mengeluarkan wang untuk tujuan yang dibenarkan dan mengikut jumlah diperlukan saja. Biarlah dilihat menyukarkan sedikit demi masa depan pelajar dan keluarga mereka juga. Janganlah kita terikut-ikut sangat desakan dan tekanan yang tidak munasabah jika kita benar-benar sayangkan anak bangsa dan masyarakat kita.

MOHD FUAD RAZALI, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru,

Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Omar Alor Star, Kedah.

9 Januari 2009 (Jumaat)

Timur: Isu pembangunan tanah tinggi perlu bantuan Pusat

Oleh Irwan Shafrizan Ismail irwansha@bharian.com.my

Kekurangan dana, kakitangan sekat penguatkuasaan peraturan

KUANTAN: Kerajaan Persekutuan perlu membantu kerajaan negeri dalam menguat kuasa undang-undang terhadap mereka yang melanggar garis panduan serta pembangunan di tanah tinggi. Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata dengan dana yang terhad, peralatan serta kakitangan yang tidak mencukupi, bantuan Pusat sememangnya diperlukan kerajaan negeri. Beliau berkata, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) memerlukan lebih banyak dana dari Pusat untuk mengatasi masalah pembangunan tidak teratur di tanah tinggi terutama di Cameron Highlands dan Bukit Tinggi. "Kita memang mempunyai peraturan dan undang-undang berkaitan pembangunan tanah tinggi namun masih kekurangan penguatkuasaan membabitkan kakitangan, peralatan dan peruntukan. "Justeru, Kerajaan Pusat boleh membantu kita dengan meningkatkan pinjaman yang sudah dimohon (bagi mengatasi masalah pembangunan tanah tinggi)," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco negeri, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas pelanggaran berterusan terhadap undang-undang pembangunan tanah di Cameron Highlands. Semalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris melaporkan, kekurangan penguatkuasaan dan penalti rendah yang dikenakan pihak berkuasa menyukarkan usaha untuk menghentikan pemilik tanah daripada terus melanggar undang-undang dengan melakukan kerja pembangunan di kawasan cerun. Dalam satu kes di Kampung Raja, dekat Cameron Highlands, pemilik tanah terbabit hanya dikenakan denda kurang RM500 kerana melanggar undang-undang pembangunan tanah tinggi. Biarpun permit kerja pembangunan ditarik, pemilik tanah terbabit masih boleh membuat permohonan baru bagi meneruskan kerja pembangunan di kawasan cerun berkenaan.

Adnan berkata, kerajaan negeri perlu dibantu berikutan sudah mewartakan beribu hektar kawasan tanah untuk dijadikan kawasan tадahan serta hutan simpan. Beliau berkata, sejak tahun lalu, semua projek pembangunan di tanah tinggi perlu mendapat kelulusan Exco negeri dengan nasihat sebuah jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan. "Masalah utama dalam perkara ini ialah kerana ketamakan syarikat pemaju yang sering memikirkan keuntungan tanpa mementingkan soal keselamatan pembeli," katanya.

Sementara itu, Adnan turut menyelar sebuah akhbar tempatan yang membuat laporan salah mendakwa kerajaan negeri akan meneruskan pembangunan di kawasan tanah tinggi. "Saya tidak tahu lalah sama ada pengarang berita akhbar ini sudah dibeli ahli politik tertentu untuk menyiar berita yang tidak berasas ini. "Atau mungkin mereka serta cuba melaga-lagakan saya dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang sebelum ini sudah mengarahkan semua projek di lereng bukit dihentikan selepas kejadian di Bukit Antarabangsa," katanya.

9 Januari 2009 (Jumaat)

Utara: UUM perkenal sistem e-Bas mudahkan pelajar

Oleh Ridzuan Ahmad bhnews@bharian.com.my

Khidmat aplikasi tanpa wayar guna kad matrik sebagai tiket

SINTOK: Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di negara ini yang menggunakan sistem e-Bas dalam perkhidmatan bas kitaran dalam kampusnya. Sistem yang diperkenalkan syarikat pengurusan bas kampus iaitu Unic Symbol Business Sdn Bhd (Unic Symbol) itu membolehkan pelajar menggunakan kad matrik mereka sebagai tiket dengan menyentuh kad terbabit pada terminal bacaan pada bas yang akan dimulakan mulai 17 Januari ini.

Pengarah Urusan Unic Symbol, Asmanwadi Sheikh Abdul Latif, berkata, sistem yang menelan belanja hampir RM800,000 itu merangkumi aplikasi tanpa wayar yang dapat membaca setiap kad matrik pelajar yang bertindak sebagai tiket apabila ia disentuh di terminal bacaan. Beliau berkata, pihaknya juga menawarkan pakej pilihan yang lebih baik kepada pelajar dengan kadar RM90 untuk penggunaan tanpa had bagi tempoh satu semester atau kadar RM22 (55 sen sehala) yang perlu ditambah nilai. Katanya, penggunaan sistem e-Bas itu adalah lanjutan daripada pengenalan sistem prabayar menggunakan kad matrik yang disepadukan dengan sistem akaun simpanan mereka di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

"Pelajar perlu membuat bayaran dan mengaktifkan semula kad matrik sebelum 17 Januari ini untuk membolehkan mereka menggunakan perkhidmatan bas kitaran terbabit. "Sekiranya pelajar gagal menambah nilai kad matrik itu, mereka tidak dibenarkan untuk menaiki bas kampus itu," katanya.

Asmanwadi berkata, melalui sistem baru itu, setiap pemandu akan disediakan kad e-Driver yang berfungsi sebagai jaminan kepada pergerakan bas mengikut jadual yang ditetapkan. Katanya, setiap pemandu perlu menyentuh kad e-Driver di terminal kawalan di pos yang akan diletakkan berdekatan Dewan Kuliah Gugusan (DKG) setiap kali melalui laluan itu. Katanya, dengan pelaksanaan sistem itu, pihaknya dapat memantau pergerakan bas melalui rekod catatan pada terminal itu. "Bagi melicinkan operasi perjalanan bas dalam kampus kami juga menambah bilangan bas sedia ada daripada 25 kepada 31 buah bas," katanya. Beliau berharap pelajar dapat memanfaatkan sistem baru yang diperkenalkan selain terus menggunakan perkhidmatan bas kitaran yang disediakan oleh pihak universiti itu.

10 Januari 2009 (Sabtu)

Selatan: Petak letak kereta tempat longgok sampah

Oleh Mohd Roji Abdullah mdroji@bharian.com.my



TEMPAT letak kereta di Taman Flora, Batu Pahat, dijadikan sebagai tempat pembungan sampah sejak beberapa tahun lalu.

BATU PAHAT: Penduduk Taman Flora, di sini, kesal dengan perbuatan tidak bertanggungjawab pihak yang menjadikan tempat letak kereta di depan bangunan kedai di taman perumahan itu sebagai tempat membuang sampah. Perbuatan itu bukan saja mencacatkan pemandangan malah dikhawatir menjejaskan kesihatan penduduk kerana sampah yang dibuang bukan setakat kertas atau plastik, tetapi sisa dapur, makanan selain lampin pakai buang. Lebih mengecewakan, sampah itu dilonggokkan di depan sebuah mesin air minuman yang menjadi sumber air bersih penduduk taman perumahan itu.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Azman, berkata perbuatan tidak bertanggungjawab itu berlarutan sejak beberapa tahun lalu dan pihaknya pernah mengadu masalah itu kepada pihak berkuasa tempatan. Beliau berkata, walaupun Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) beberapa kali mengutip sampah dan membersihkannya, pihak tidak bertanggungjawab terus memilih kawasan itu sebagai tempat untuk membuang sampah.

"Perbuatan seperti ini menunjukkan mentaliti segelintir masyarakat kita yang masih rendah dan boleh diibaratkan tidak bertamadun. Saya hairan, mengapa mereka menjadikan tempat letak kereta ini sebagai tempat membuang sampah. "Ini perbuatan orang yang tidak ada otak. Mengapa mereka tidak memikirkan kesan buruk perbuatan mereka yang mungkin tidak pernah dididik supaya lebih bertanggungjawab," katanya.

Tinjauan mendapati najis bayi dari lampin pakai buang berselerak di depan mesin air minuman membuatkan penduduk tidak lagi menggunakan mesin itu. Azman berkata, sebelum ini penduduk sering mengambil air dari mesin itu tetapi sekarang mereka terpaksa pergi jauh untuk mendapatkan air minuman. "Lihatlah sendiri, najis berselerak apabila lampin pakai buang bayi ini diselongkar anjing liar dan kami bimbang air di mesin ini dicemari kuman," katanya.

Katanya, penduduk mengharapkan pihak berkuasa bertindak tegas terhadap golongan tidak bertanggungjawab itu, yang dipercayai membuang sampah pada waktu malam.

10 Januari 2009 (Sabtu)

Sabah & Sarawak: Tabung khas RM50 juta untuk pekebun kecil sawit

Oleh Mohd Azrone Sarabatin azrone@bharian.com.my

KOTA KINABALU: Seramai 11,018 pekebun kecil sawit di Sabah yang menghadapi tekanan ekonomi berikutan penurunan harga komoditi itu wajar menarik nafas lega selepas Kabinet negeri meluluskan RM50 juta tabung khas bagi membantu mereka. Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata peruntukan itu meliputi insentif khas dan pinjaman mudah.

"Penerima kemudahan itu adalah pekebun kecil yang memiliki tanah seluas enam hektar ke bawah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri di Wisma Innoprise di sini, kelmarin.

Beliau yang juga Menteri Kewangan negeri berkata, Unit Khas Pendaftaran Pekebun Kecil Kelapa Sawit akan diwujudkan oleh Jabatan Pertanian negeri bagi memastikan semua pekebun memanfaatkan kemudahan itu. Musa berkata, kerajaan negeri tidak mahu membiarkan pekebun kecil menghadapi tekanan ekonomi berikutan harga komoditi yang tidak menentu. Katanya, langkah itu diyakini dapat meringankan beban kos perniagaan seperti baja, pengangkutan dan mengekalkan penyertaan dalam perniagaan serta industri sawit di Sabah.

"Semua pekebun kecil terbabit memiliki lesen mengusaha dan memasarkan sawit yang dikeluarkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi," katanya.

Mengenai bantuan kepada mangsa banjir di beberapa daerah yang berlaku sejak Sabtu lalu, Musa berkata, beliau sudah meminta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Sukarti Wakiman supaya menyalurkan bantuan segera kepada mangsa. Katanya, ketika ini semua mangsa menerima bantuan terutama pemindahan segera ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir dan penyaluran makanan. "Kita juga sentiasa memantau kawasan yang terdedah kepada banjir dengan pasukan keselamatan sudah diminta supaya bersiap sedia pada bila-bila masa," katanya.

10 Januari 2009 (Sabtu)

Utara: USM meterai MoU dengan RLAF

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi bhnews@bharian.com.my

GEORGETOWN: Universiti Sains Malaysia (USM) semalam memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan 'Right Livelihood Award Foundation' (RLAF) dari Sweden bagi menjadikan universiti itu sebagai hab Hadiah Nobel Alternatif.

Majlis menandatangani MoU disempurnakan oleh Naib Canselor USM, Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, manakala RLAF diwakili Pengerusinya, Jakob Von Uexkull, yang disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah USM, Tan Sri Ani Arope. Dengan MoU itu, USM menjadi universiti pertama dunia menjalin kerjasama itu dan menjadi hab kepada Right Livelihood College (RLC) yang akan mengumpulkan seramai 133 penerima Anugerah Right Livelihood dari 53 negara bagi berkongsi dan menyelidik ilmu baru.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dzulkifli berkata, USM akan memberi sokongan terhadap aktiviti yang dijalankan oleh RLC menerusi badan bebas dari Sweden itu. "Aktiviti yang akan dijalankan oleh RLC sudah semestinya untuk menyelidik setiap anugerah yang berjaya dimenangi menerusi Hadiah Nobel Alternatif. "Pada masa yang sama, tujuan RLC itu juga dilihat sebagai usaha untuk memperkenalkan kejayaan pemenang ke mata dunia," katanya.

Dalam pada itu, Datuk Dr Mohammed Anwar Fazal Mohammed dilantik sebagai Pengarah RLC bagi tempoh dua tahun bermula 1 Januari lalu dengan memulakan projek pertama iaitu 'The Right Livelihood College - Disseminating Knowledge and Strengthening Skills for a Sustainable Future'. Hadiah Nobel Alternatif yang juga dikenali sebagai Anugerah Right Livelihood mula diperkenalkan pada 1980 bagi mengiktiraf tokoh unggul dalam pelbagai bidang yang menyumbang kepada kesejahteraan dunia dan masyarakat sejagat.

10 Januari 2009 (Sabtu)

Utara: Pengusaha benih padi dakwa Mada mungkir janji

Oleh Adha Ghazali adha@bharian.com.my

ARAU: Lebih 100 pengusaha padi benih di tiga kawasan sekitar Chermai, Padang Besar dan Chemumar, dekat sini, mendakwa tertipu apabila pihak Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (Mada) dikatakan mungkir janji dan enggan membeli padi benih yang dihasilkan mereka, mengikut harga yang dipersetujui. Malah, kumpulan pengusaha padi terbabit terutama yang menyertai 10 skim terakhir penanaman padi benih di kawasan berkenaan juga tidak menolak kemungkinan untuk memboikot skim ajuran Mada itu, sekali gus beralih kepada penanaman padi beras yang dianggap tidak berdepan masalah penipuan sedemikian.

Timbalan Ketua Unit Skim Chermai, Abdul Malik Abdullah, berkata tindakan Mada yang menetapkan harga belian pada RM1,100 bagi setiap tan padi benih dianggap terlalu rendah, berbanding RM1,400 yang dibayar kepada pengusaha yang menyertai 22 skim penanaman terdahulu. Beliau berkata, keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pengusaha padi benih berkenaan kerana pihak Mada dilihat seolah-olah menipu golongan peserta skim, sedangkan pihak terbabit menaikkan harga padi beras sehingga mencecah RM1,000 satu tan.

"Keadaan ini menyebabkan peserta tidak lagi bersemangat untuk mengusahakan penanaman padi benih. Tambahan pula alasan diberikan Mada mengatakan kos penyelenggaraan terlalu

tinggi untuk memproses benih padi, langsung tidak relevan. "Ini kerana, majoriti kos penyelenggaraan ditanggung sendiri petani sejak mula proses penanaman iaitu membabitkan usaha membersihkan kawasan ladang sehingga ke proses tuaian," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau bersama 10 yang lain mewakili lebih 100 peserta skim penanaman benih padi kawasan Chermai, Padang Besar dan Chemumar, mengadakan bantahan bagi melahirkan rasa kecewa dengan isu berkenaan. Difahamkan, sepanjang tahun lalu pihak Mada menjalankan 22 skim penanaman padi benih di seluruh negeri, termasuk tiga kawasan terbabit untuk enampung permintaan bekalan benih padi bagi Kedah dan Perlis, sebelum diikuti 10 lagi skim sama, baru-baru ini.

10 Januari 2009 (Sabtu)

Duke tak naik tol 6 tahun

Oleh Azli Ayob dan S Anand Kumar bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Lebuh Raya Duta-Ulu Kelang (Duke) bernilai RM892 juta yang mula beroperasi semalam tidak akan menyaksikan sebarang kenaikan kadar tol untuk tempoh enam tahun, kata Menteri Kerjaraya, Datuk Mohd Zin Mohamed. Beliau berkata, kerajaan juga memutuskan untuk hanya membenarkan pemegang konsesi Duke mula mengutip tol RM2 kepada pengguna Duke bermula 8 Februari ini.

Beliau berkata, pembinaan Duke yang mengambil masa tiga tahun dilengkapi tujuh persimpangan bertingkat dan ia beroperasi secara sistem tol terbuka. "Melalui sistem tol terbuka ini, pengguna akan hanya dikenakan bayaran sekali untuk ke mana-mana lokasi di sepanjang jajaran lebuh raya ini. Ia kerana 46 peratus daripada laluan lebuh raya ini adalah laluan bebas tol. Saya percaya pengecualian bayaran tol sehingga 8 Februari ini adalah pengumuman menggembirakan pengguna Duke semasa musim perayaan Tahun Baru Cina," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Mohd Zin menyempurnakan majlis pembukaan fasa pertama Duke iaitu dari Persimpangan Duta ke Jalan Kuching dan Persimpangan Greenwood ke Persimpangan Hillview. Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk Seri Dr Judin Abdul Karim dan Ketua Pengarah Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Datuk Mohd Razali Othman.

Mohd Zin berkata, pembukaan Duke hari ini (semalam), merangkumi keseluruhan jajaran Seksyen 2 dan Seksyen 3 serta sebahagian Seksyen 1. "Bahagian fasa pertama Duke yang dirasmikan hari ini (semalam) merangkumi Seksyen 2 dan Seksyen 3, sepanjang 12.7 kilometer.

“Kerja pembinaan Seksyen 1 dijangka siap April tahun ini dan apabila siap sepenuhnya dan dibuka kepada lalu lintas, ia melengkapi pembukaan keseluruhan jajaran lebuh raya ini,” katanya.

Mohd Zin berkata, Duke mempunyai tiga plaza tol iaitu Plaza Tol Batu (Seksyen 1), Plaza Tol Ayer Panas (Seksyen 2) dan Plaza Tol Sentul Pasar (Seksyen 3). “Lebuh raya ini akan menjadi laluan alternatif utama kepada penduduk ibu kota dan saya percaya ia mampu melicinkan pergerakan trafik,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Projek Duke, Chua Soo Kok, berkata lebuh raya terbaru di Lembah Klang sepanjang 18 kilometer itu mempunyai kapasiti penuh mengendalikan sehingga 120,000 kenderaan sehari.

10 Januari 2009 (Sabtu)

Kerajaan tiada cadangan semak semula Bajet 2009

Oleh Norfatimah Ahmad dan Suffian A Bakar bhbiz@bharian.com.my

KERAJAAN pada masa ini tidak bercadang menyemak semula bajet bagi tahun ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Perdana Menteri berkata, bagaimanapun kerajaan akan membuat pelarasan jika keadaan memerlukan.

“Pada masa ini kerajaan tidak bercadang akan menyemak semula bajet (2009), tetapi kita akan terus memantau (perkembangan ekonomi), dan jika kita perlu membuat pelarasan kita akan membuat pelarasan. “Sekarang bukanlah masanya untuk kita membohongi rakyat. Ia bukan masa untuk hanya menyatakan sesuatu bagi membuatkan rakyat gembira. Kita tidak boleh berbuat demikian (kerana) kita kerajaan bertanggung- jawab,” katanya pada sidang media selepas melancarkan sekretariat tetap World Islamic Economic Forum (WIEF) dan laman webnya di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Pengerusi Yayasan WIEF, Tun Musa Hitam.

Abdullah menegaskan, pada masa ini kerajaan mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan ekonomi negara kekal berdaya tahan walaupun berdepan keadaan yang kritikal kesan daripada krisis ekonomi global. Namun, beliau berkata, kerajaan hanya boleh mengawal keadaan ekonomi negara setakat yang boleh diunjurkan mengenai perkembangan ekonomi global. “Kita boleh mengawal ekonomi sejauh yang kita boleh membuat unjuran, tetapi apa yang sebenarnya boleh berlaku, ia melangkaui keupayaan kita untuk membuat unjuran,” katanya. Bagaimanapun Perdana Menteri menegaskan, di sebalik keadaan ekonomi dunia yang sukar, ekonomi Malaysia ketika ini tidak mengalami kemelesetan. Beliau turut menyatakan keyakinan yang ekonomi Malaysia mampu mencatatkan pertumbuhan purata lebih lima peratus pada tahun lalu. “Kita tidak mengalami kemelesetan (ekonomi) sekarang ini. Jadi kita tidak menghadapi banyak masalah dalam suku tahun keempat (2008).

“Walaupun mencatatkan pertumbuhan dua peratus dalam suku keempat, ia akan membolehkan kita mencatatkan purata (pertumbuhan ekonomi) lima peratus (bagi seluruh 2008),” katanya ketika diminta mengulas kenyataan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah bahawa ekonomi negara kini dalam keadaan yang teruk. “Saya tidak merasakan itu betul. Kemungkinan beliau tidak mendapat semua maklumat yang kita ada. Jika ia (keadaan ekonomi) buruk, (ekonomi) kita kini berada dalam kemelesetan,” jelasnya.

Abdullah berkata, bagi tahun ini, walaupun keadaan dijangkakan adalah lebih sukar, tetapi ia akan dapat ditangani oleh pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion yang sudah diumumkan kerajaan. “Pakej itu akan menyelamatkan kita. Ia akan membantu kita menghadapi ancaman yang bakal tiba. Ia akan membantu meneruskan aktiviti ekonomi.” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, WIEF mendapat pengiktirafan dalam usahanya merangka program pembangunan ekonomi membabitkan negara miskin dan membangun dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Beliau berkata, kejayaan dalam penganjuran empat forum sejak 2005 itu terbukti terutama dengan peningkatan jumlah peserta, termasuk dari negara bukan Islam. Forum kelima anjuran WIEF, katanya akan diadakan di Jakarta pada 1 hingga 4 Mac ini dengan disertai kira-kira 1,000 peserta mewakili lebih 50 negara.

11 Januari 2009 (Ahad)

Utara: Mada nafi aniaya pengusaha padi benih

ALOR STAR: Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (Mada) menafikan pihaknya menganiaya lebih 100 pengusaha padi benih di tiga kawasan di Chermai, Padang Besar dan Chemumar, Perlis yang mendakwa ditipu agensi itu kerana enggan membeli benih dihasilkan pada harga dipersetujui. Pengarah Bahagian Padi Mada, Fauzi Ali, berkata pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan pengusaha padi benih di kawasan itu untuk menerangkan alasan mengenai penurunan harga belian daripada RM1,400 satu tan pada skim penanaman terdahulu kepada RM1,100 ketika ini. Beliau berkata, Mada tidak mampu untuk terus mengekalkan harga belian padi benih pada kadar RM1,400 seperti pada skim penanaman lalu dan mengaku menanggung kerugian besar berikutan peningkatan kos penyelenggaraan termasuk upah buruh, pengangkutan dan proses benih.

“Walaupun kita menurunkan harga belian padi benih kepada RM1,100 satu tan ia masih menguntungkan pengusaha kerana Mada akan memastikan setiap kadar harga belian yang ditawarkan itu akan memberi keuntungan sekurang-kurangnya RM100 satu tan kepada pengusaha. “Hakikatnya, harga belian RM1,100 bagi satu tan padi benih tidak memberi keuntungan besar kepada anak syarikat Mada iaitu Syarikat Perniagaan Peladang Mada (SPPM) yang dipertanggungjawabkan menguruskan kerja memproses padi benih berkenaan dan ia sekadar cukup untuk menyeimbangkan antara pendapatan dan kos pemprosesan terbabit,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Difahamkan, pada masa ini, Mada membeli setiap satu kilogram (kg) padi benih pada harga RM1.10 sebelum ditambah dengan kos operasi sebanyak 70 sen, menjadikan jumlah kos keseluruhan bagi sekilo padi benih jatuh kepada RM1.80. Sekilogram padi benih itu akan dijual kepada pengilang untuk diproses pada harga ditetapkan iaitu RM1.40. SPPM hanya memperoleh keuntungan 10 sen selepas ditolak 50 sen komisen yang diberikan kerajaan bagi sekilogram padi benih yang dijual.

Berita Harian semalam melaporkan lebih 100 pengusaha padi benih di Chermai, Padang Besar dan Chemumar mendakwa tertipu apabila Mada dikatakan mungkir janji dan enggan membeli padi benih yang dihasilkan mereka mengikut harga dipersetujui. Malah, kumpulan pengusaha padi terbabit terutama yang menyertai 10 skim terakhir penanaman benih di kawasan berkenaan juga tidak menolak kemungkinan untuk memboikot skim anjuran Mada itu, sekali gus beralih kepada penanaman padi beras yang dianggap tidak berdepan dengan masalah penipuan sedemikian.

Fauzi berkata, beliau berharap kumpulan petani terbabit memahami keadaan berkenaan dan terus kekal menjadi pengusaha padi benih demi pembangunan industri pertanian negara. "Tidak ada istilah penindasan dalam kes ini dan kami berharap mereka terus kekal menjadi pengusaha padi benih," katanya.

11 Januari 2009 (Ahad)

RM900 juta bantu kontraktor



NAJIB bersama Ahmad dan Wan Ahmad Farid (tengah) melihat senarai pengundian pada majlis pelancaran pengundian PIA dan PIAS di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, semalam.

Dana untuk PIA, PIAS: Najib

KUALA TERENGGANU: Kerajaan menyediakan peruntukan RM900 juta tahun ini untuk Projek Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) khusus untuk manfaat kontraktor kelas F di seluruh negara bagi memastikan kumpulan itu tidak terjejas dengan krisis ekonomi dunia, kata Datuk Seri Najib Razak. Timbalan Perdana Menteri berkata, peruntukan untuk kontraktor kelas F itu meningkat sebanyak RM300 juta berbanding RM600 juta tahun lalu, yang mana tambahan itu dijana daripada pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion yang diumumkan November lalu. Beliau berkata, peningkatan peruntukan pakej rangsangan

ekonomi itu berdasarkan prestasi cemerlang kontraktor kelas F yang mencapai 98 peratus pelaksanaan projek seperti yang dilaporkan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri.

“Kontraktor kelas F ini tidak kecawakan kerajaan dari segi prestasi... baik dan cemerlang. Sebab itulah dalam projek pakej rangsangan ekonomi ini, kita tambah peruntukan untuk PIA dan PIAS. “Pertamanya, kita tekankan, ia mesti projek berorientasikan rakyat, mesra rakyat dan dapat memenuhi keperluan rakyat. Kedua, kita nak kumpulan kontraktor ini dapat kerja dan dapat jalankan perniagaan untuk sara hidup dan bantu keluarga. “Kita mahu Malaysia di bawah pimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN) mengambil langkah (sesuai) supaya ekonominya tak terjerumus dalam kemelesetan,” katanya berucap pada majlis pelancaran pengundian PIA dan PIAS di Wisma Darul Iman di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Ahmad Said; Ketua Pengarah ICU di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Tan Sri Khalid Ramli dan calon BN Pilihan Raya Kecil Kerusi Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh. Pada majlis itu 583 kontraktor kelas F mendapat projek PIA dan PIAS yang dilakukan menerusi undian berkomputer, yang mana perisian itu sendiri turut dibangunkan anak Terengganu.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan berusaha memastikan negara tidak turut terjerumus dalam kemelesetan ekonomi seperti dialami kebanyakan negara, termasuk di Eropah dengan memastikan ada pertumbuhan ekonomi, walaupun tidak tinggi. Najib yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, walaupun keadaan ekonomi global tidak menentu, Malaysia menongkah arus dan masih bertahan berbanding negara lain, termasuk Amerika Syarikat (AS) dengan ramai rakyatnya terpaksa menganggur. “Sebab itu, saya kata Malaysia menongkah arus sebab kita bukan saja bertahan, malah peruntukan untuk pembangunan kita tambah dan yang kumpulan pertama yang merasai faedahnya ialah kontraktor. Di Malaysia, kontraktor kelas F paling istimewa, mereka dapat pembelaan yang baik daripada kerajaan,” katanya.

“Kerajaan sentiasa telus dalam pembahagian projek dan memastikan setiap kontraktor mempunyai peluang sama rata dan saksama,” katanya sambil menambah kerajaan membelanjakan RM4.7 bilion untuk 90,000 projek kepada 85,000 kontraktor kelas F seluruh negara pada tahun lalu. Beliau juga berkata, kerajaan memperuntukkan RM15.8 juta untuk projek PIA dan PIAS kepada 583 kontraktor kelas F di Kuala Terengganu, menerusi projek bernilai antara RM30,000 hingga RM200,000. “Bagi kontraktor yang mendapat projek kecil kali ini, kita akan pertimbangkan projek lebih besar untuk fasa seterusnya,” katanya yang mahu semua projek itu disiapkan pada tahun ini.

11 Januari 2009 (Ahad)

'Habiskan dana rangsangan ekonomi RM7 bilion tahun ini'

BUTTERWORTH: Kerajaan mengarahkan semua kementerian dan agensinya memulakan pelaksanaan projek menggunakan peruntukan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7 bilion. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak, sudah mengeluarkan arahan itu, beberapa hari lalu, supaya projek disenaraikan dilaksanakan serta-merta. Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata kerajaan yang sudah mengagihkan peruntukan itu kepada kementerian terbabit, mahu projek dilaksanakan secara 'fast track'. "Tujuan kita ialah mahu habiskan semua RM7 bilion itu tahun ini dan saya yakin dapat lihat kesan pakej rangsangan pada akhir suku pertama tahun ini," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Zon Pemprosesan Makanan Industri Asas Tani di Teluk Air Tawar di sini, semalam. Katanya, projek yang akan dilaksanakan menggunakan peruntukan pakej rangsangan itu seperti membaiki jambatan, menaik taraf jambatan, jalan dan bangunan. "Projek ini dilaksanakan untuk mencergaskan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan permintaan agregat," katanya.

Sambil menegaskan ekonomi Malaysia tidak mengalami kemelesetan, walaupun terkena tempiasnya, Nor Mohamed berkata, peruntukan itu perlu dibelanjakan segera bagi meningkatkan permintaan agregat. Pada masa sama, katanya, sektor swasta juga tidak seharusnya menghadapi masalah mengembangkan operasi masing-masing supaya aktiviti ekonomi terus dikembangkan menerusi pelaburan. "Bank juga perlu terus memberi pinjaman kepada projek yang berdaya maju kerana sistem perbankan tempatan mempunyai kecairan yang banyak," katanya.

Beliau turut meminta mana-mana pihak yang permohonan pinjaman mereka ditolak bank supaya membuat laporan kepada Bank Negara untuk tindakan lanjut. "Bagi projek yang berdaya maju, bank wajar memberi pinjaman bagi meningkatkan lagi kegiatan ekonomi," katanya sambil menambah bank juga berhak tidak meluluskannya jika projek dicadang tidak berdaya maju. Nor Mohamed berkata, kerajaan juga sudah meluluskan RM300 juta untuk memberi latihan semula kepada pekerja yang terjejas akibat kemelesetan ekonomi dunia.

11 Januari 2009 (Ahad)

Korek muara Chendering guna bajet RMK-10

KERAJAAN Barisan Nasional (BN) memberi jaminan akan menyelesaikan isu muara sungai cetek sehingga menyukarkan nelayan memasuki kawasan pelabuhan perikanan Chendering di sini, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bermula 2011. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kerja pembesaran benteng termasuk

mendalamkan muara sungai itu memerlukan perbelanjaan besar. Katanya, walaupun ombak besar sering berlaku sehingga mengancam keselamatan bot kecil, kerajaan tidak boleh meluluskan peruntukan melaksanakan projek dalam masa singkat.

"Kita akan pertimbangkan untuk memohon peruntukan bagi menyelesaikan masalah dibangkitkan lebih 800 nelayan yang menggunakan pelabuhan perikanan Chendering dalam RMK-10. "Kita akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri untuk menangani isu dihadapi nelayan di kawasan itu dan Jabatan Perikanan diminta menyediakan kertas cadangan untuk memudahkan peruntukan dimasukkan dalam RMK-10," katanya ketika selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, semalam.

Mustapa berkata, muara sungai cetek dan benteng sempit di Pelabuhan Chendering antara isu dibangkitkan nelayan ketika beliau mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan mereka, awal pagi semalam. Katanya, isu lain dibangkitkan termasuk elaun sara hidup RM200 sebulan. "Kita arah pegawai Jabatan Perikanan serta-merta bertemu nelayan menyelesaikan masalah. "Ketika perjumpaan itu, kita dapati lebih 250 nelayan tidak sedar elaun bulanan sara hidup sudah dimasukkan ke dalam akaun kerana nelayan tidak diberi maklumat jelas mengenai kaedah membayar elaun itu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mustapa berkata, sudah tiba masanya petani, penternak dan nelayan terutama di Parlimen Kuala Terengganu, membalaik jasa kerajaan BN yang banyak menyalurkan bantuan kepada mereka

11 Januari 2009 (Ahad)

RM77j naik taraf Taska Kemas



ROSMAH (tengah), Muhammad (tiga dari kanan), Musa (kanan) dan Norliza (dua dari kanan) bersama kanak-kanak tadika selepas penyerahan replika cek Permata di Bukit Bayas, semalam.

KUALA TERENGGANU: Kerajaan memperuntukkan RM77 juta untuk menaik taraf 220 Taska Kemas kepada Taska Permata Kemas mulai tahun ini. Isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, yang juga Penggerusi Jawatankuasa Dasar Permata negara, berkata sejak ditubuhkan pada 2007, 14 Pusat Permata sudah beroperasi membabitkan 380 kanak-kanak dengan 80 tenaga pengajar berkelulusan sekurang-kurangnya diploma.

Beliau berkata, dengan perluasan program Permata di Taska Kemas, Taska Perpaduan, Taska Komuniti, taska tempat kerja dan Taska Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK), bilangan taska yang mengguna pakai kurikulum itu dijangka meningkat kepada lebih 300 unit.

Katanya, bagi tahun ini, pihaknya merancang untuk menambah 16 Pusat Permata di seluruh negara bagi membolehkan semua kanak-kanak terutama dari luar bandar menikmati taraf dan kualiti asuhan seperti yang diterima di taska swasta.

"Saya harap peruntukan besar ini menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan perkembangan holistik kanak-kanak bawah umur empat tahun terutama dari luar bandar," katanya berucap merasmikan pelancaran Perluasan Program Permata Kemas, semalam.

Hadir sama Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan isteri Menteri Besar Terengganu, Toh Puan Norliza Mahmud. Pada majlis itu, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Latifah Abu Mansur menyampaikan replika cek RM77 juta kepada Ketua Pengarah Kemas, Abdul Fuad Md Nayan.

Rosmah berkata, perluasan Permata dijangka memberi faedah kepada 7,000 kanak-kanak bawah empat tahun daripada anak golongan berpendapatan rendah. Pada majlis itu, Rosmah memberikan sumbangan peribadi enam komputer kepada Taska Kemas Bukit Bayas.

12 Januari 2009 (Isnin)

Utara: Fama perlu penstrukturran elak kelembapan ekonomi

Oleh Mohd Idris Sulaiman bhnews@bharian.com.my

Pasaran hasil tani perlu diperluas dalam hadapi persaingan

BOTA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) perlu melakukan transformasi dan penstrukturran semula sistem pemasaran hasil pertanian yang diusahakan oleh petani dan nelayan bagi memastikan masa depan golongan terbabit tidak terperangkap dalam kelembapan ekonomi global masa ini. Ahli Parlimen Parit, Mohd Nizar Zakaria berkata, langkah itu perlu berikutan persaingan yang sengit terhadap pasaran hasil pertanian dari luar negara yang boleh menyebabkan agenda pertanian negara mengalami kemerosotan.

Beliau berkata, Fama perlu mencari pasaran baru terutama ke negara timur tengah serta Eropah dan tidak terlalu bergantung kepada pasaran domestik saja atau negara pengimport sedia ada seperti Singapura dan Taiwan. Katanya, langkah itu perlu kerana pasaran yang terhad menyebabkan persaingan yang hebat terutama daripada pengeluar sekali gus menyebabkan negara tidak mampu untuk bersaing. Malah, katanya, hasil yang diusahakan oleh petani tempatan adalah sedikit sekali gus memerlukan kaedah pemasaran berpusat dan terancang.

"Sebagai agensi kerajaan yang ditugaskan di barisan hadapan, Fama mestilah lebih relevan dan mampu mencari jalan untuk memasarkan hasil pertanian," katanya kepada pemberita di majlis penyampaian anak benih pokok durian Belanda di sini, kelmarin.

Mohd Nizar berkata, semua petani sedia maklum hasil yang dikeluarkan di kebun mereka adalah sedikit berbanding dengan hasil yang dikeluarkan di ladang besar. "Kekurangan kemampuan golongan petani ini berpunca dari kawasan kebun yang kecil...Fama di sini boleh memainkan peranan untuk memberi saranan kepada petani di setiap kawasan atau daerah untuk menanam beberapa jenis tanaman saja di kebun mereka. "Sekiranya perkara ini boleh dilakukan, kuantiti tanaman adalah lebih banyak dan mampu mengubah taraf hidup petani sekali gus mengelakkan mereka berurusan dengan orang tengah yang mengaut keuntungan berlebihan," katanya.

Mohd Nizar berkata, ketika ini kebanyakan petani tidak mempunyai tumpuan khusus terhadap pertanian yang dijalankan menyebabkan mereka tidak mampu bersaing dengan pengusaha ladang. Beliau juga berkata, bagi menggalakkan ekonomi berdasarkan pertanian di kawasan pedalaman dan luar bandar, Fama perlu menambah lagi bilangan pasar tani di setiap daerah. "Janganlah aktiviti pasar tani peringkat daerah hanya dijalankan ketika Ramadan atau hari tertentu saja kerana pertanian bidang yang amat luas dan dengan membuka pasaran yang besar saja mampu menjadikan sektor ini satu pekerjaan lumayan," katanya.

12 Januari 2009 (Isnin)

Sentral: Sistem lupus sampah moden diperkenal di Negeri Sembilan

Oleh Hussain Said bhnews@bharian.com.my

Pusat lulus pembinaan tapak sanitari di Tanah Merah, Port Dickson

KUALA KLawang: Negeri Sembilan menjadi negeri ketiga selepas Johor dan Selangor menggunakan sistem pelupusan sampah moden berikutan keputusan Kerajaan Pusat meluluskan pembinaan tapak pelupusan sampah sanitari di Tanah Merah, Port Dickson. Penggerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kampung Baru dan Pengangkutan Awam negeri, Siow Chen Pin, berkata pembinaan tapak pelupusan baru di kawasan seluas 42 hektar berdekatan loji Kualiti Alam, Bukit Nanas, menggantikan tapak pelupusan di Bukit Palong, Lukut, yang tidak lagi mampu menampung pembuangan sampah.

Katanya, lokasi baru itu menggantikan perancangan asal untuk membina tapak pelupusan sampah di Ladang Perhentian Tinggi, dekat Rembau berikutan kajian mendapati kawasan itu tidak sesuai kerana terlalu jauh dan berdekatan anak sungai. "Malah, kita mendapati jalan yang akan digunakan ke tapak pelupusan sampah itu adalah jalan utama ke Rembau dan Tampin serta bimbang air sampah menitis sepanjang jalan dan mencemari kawasan sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran perkhidmatan kutipan sampah pukal sempena Tahun Baru Cina di Dewan Orang Ramai Titi, dekat sini, semalam. Turut hadir Pengarah Eksekutif SWM Environment Sdn Bhd, Dr Uzir Abdul Malik.

Siow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Chennah berkata, kerajaan negeri berharap kerja pembinaan tapak dapat dimulakan segera, termasuk kajian Kesan Alam Sekitar (EIA). "Kita berharap fasa pertama dapat disiapkan tahun ini bagi membolehkan sisa pepejal dari kawasan Seremban dan Port Dickson dihantar ke situ sebelum pusat berkenaan diperbesarkan secara berperingkat bagi menampung sampah dari seluruh negeri," katanya.

Siow berkata, tapak pelupusan itu dilengkapi lapisan dasar yang dibuat dari sejenis gentian geotekstil yang menghalang air resapan sampah larut bersama air bawah tanah, sekali gus menjaga alam sekitar.

12 Januari 2009 (Isnin)

Sabah&Sarawak: Aktiviti haram ancam terumbu karang

MIRI: Penangkapan ikan secara haram di kalangan nelayan pukat tunda dikesan menjadi ancaman utama terhadap terumbu karang di kawasan perairan utara Sarawak. Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan, Lee Kim Shin, berkata aduan itu diterima daripada penyelam yang secara kebetulan sering terserempak dengan nelayan pukat tunda berkenaan.

Beliau berkata, perbuatan itu menjadi ancaman utama terhadap kehidupan akuatik dan terumbu karang itu. "Kami mahu pihak berkuasa seperti Agensi Pengawal Maritim Malaysia (APMM) memantau perkara ini secara serius seterusnya mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit dalam kegiatan ini. "Kita memandang serius perkara ini agar khazanah semula jadi berkenaan dapat terus dipelihara," katanya di sini, semalam.

Di perairan utara Sarawak terdapat lebih 30 lokasi menyelam yang popular di kalangan penggemar aktiviti itu. Lee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Senadin, mahu agar aktiviti haram berkenaan dihentikan. Katanya, antara kawasan terumbu karang yang sering menjadi tumpuan nelayan pukat tunda ialah di perairan Sibuti dan Bakam.

Beliau berkata, banyak kawasan terumbu karang berkenaan yang musnah akibat aktiviti menunda pukat. "Pukat melekat di kawasan batu karang dan boleh memusnahkan hidupan air yang terdapat di kawasan berkenaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu supaya pihak berkuasa berkaitan memandang serius perkara berkenaan untuk mengelakkan kemusnahan berterusan khazanah laut itu.

12 Januari 2009 (Isnin)

Pertanian Moden Lanchang sasar keluaran 1.2 juta tan

Oleh Ahmad Farizal Hajat ahmadfarizal@bharian.com.my

Projek seluas 3,600 hektar hasilkan buah-buahan segar RM1.55b

PROJEK Pertanian Moden seluas 3,600 hektar di Lanchang, projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), dijangka menghasilkan 1.2 juta tan buah-buahan segar bernilai RM1.55 bilion apabila beroperasi sepenuhnya dalam tempoh 20 tahun akan datang. Projek yang terletak di Temerloh, Pahang dan bakal dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok, dimajukan bagi meningkatkan lagi pembangunan industri buah-buahan serta eksport negara, selain menggalakkan pembabitan dalam aktiviti hiliran. ECER, dalam satu kenyataan, menyatakan konsep pelaksanaan projek itu terbahagi kepada dua yang mana kawasan seluas 400 hektar akan dibangunkan sebagai Taman Kekal Pertanian Malaysia (TKPM) untuk usahawan tani yang diterajui syarikat induk, manakala 3,200 hektar lagi untuk swasta.

Pengarah Jabatan Pertanian Pahang, Kamariah Ismail, berkata Pertanian Moden Lanchang dijangka meningkatkan serta menjana hasil dan nilai pengeluaran, selain mewujudkan lebih ramai usahawan tani dan peluang pekerjaan. Katanya, apabila beroperasi sepenuhnya, dusun buah-buahan di Lanchang ini akan menjadikan Pahang sebagai pengeluar utama buah-buahan segar negara setelah mencapai pengeluaran 1,194,838 tan dalam tempoh 20 tahun, dengan anggaran pengeluaran tahunan 59,744 tan bernilai RM77.57 juta.

Beliau berkata, setakat ini 60 peratus kawasan telah dibangunkan dengan baki kawasan belum dibangunkan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2010. "Sehingga November 2008, hasil pengeluaran daripada 14 syarikat swasta dan empat usahawan tani yang beroperasi di kawasan ini adalah berjumlah 5,430 tan dengan nilai RM7.78 juta," katanya. Dalam pada itu, Kamariah berkata, sebanyak 13 syarikat dan 18 usahawan tani kini masih di peringkat penanaman. "Ada antara hasil pengeluaran Lanchang sudah dieksport ke Hong Kong, Singapura dan Eropah," kata Kamariah.

Beliau berkata, kualiti buah-buahan di dalam kawasan projek itu adalah di bawah kawalan ketat Jabatan Pertanian di peringkat negeri dan Persekutuan. "Kami menggunakan pakai prinsip Amalan Pertanian Baik (GAP) yang mempunyai prosedur piawaian bagi mengawal dan mengurangkan pencemaran, risiko dan memastikan keselamatan makanan," katanya.

Kamariah menambah, bagi meningkatkan lagi prospek pasaran, Jabatan Pertanian akan menyediakan khidmat nasihat teknikal dan perkhidmatan sokongan termasuk mengaturkan pertemuan antara pekebun dan pembeli berpotensi. Katanya, rancangan sedang dilaksanakan bagi menggalakkan aktiviti hiliran buah-buahan termasuk kordial buahan, makanan ringan dan produk roti berasaskan buah-buahan.

12 Januari 2009 (Isnin)

Minda Pengarang - Usaha proaktif kerajaan bebas negara daripada kemelesetan ekonomi

PERBENDAHARAAN negara dalam pekeliling terbarunya menarik balik larangan yang dikeluarkan tahun lalu berkaitan langkah untuk mengurangkan perbelanjaan awam seperti penyewaan ruang pejabat baru dan tambahan, perpindahan pejabat ke bangunan lain atau pengubahsuaian ruang pejabat sedia ada serta penangguhan pembelian aset termasuk kereta, perabot, komputer dan lain-lain kelengkapan pejabat yang belum komited. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, berkata larangan itu dibatalkan bagi membolehkan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan melaksanakan perancangan yang sudah dibuat bagi tahun ini, tanpa sebarang kesulitan. Ketika langkah itu dibuat tahun lalu, ia bertujuan mengawal perbelanjaan bagi tahun terbabit. Meskipun tidak dinyatakan secara khusus, kita percaya penarikan balik larangan itu ada kaitan dengan situasi ekonomi semasa. Ketika dunia dihambat krisis ekonomi, kita tidak boleh terlalu mengawal perbelanjaan kerana dasar monetari yang ketat boleh memeritkan lagi keadaan ekonomi dalam negara. Untuk itu, projek yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai tidak boleh dibekukan kerana ia membantu memusatkan sektor pembinaan, manakala perbelanjaan awam pula tidak boleh terlalu disekat bagi menjamin pengaliran wang dalam sistem untuk menggerakkan ekonomi. Berdasarkan hakikat ini juga, kerajaan mengarahkan semua kementerian dan agensinya memulakan pelaksanaan projek menggunakan peruntukan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7 bilion seperti diarahkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak beberapa hari lalu, supaya projek disenaraikan dilaksanakan serta-merta.

Seperti kata Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, kelmarin arahan Najib yang juga Menteri Kewangan itu bertujuan mencergaskan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan permintaan agregat. Kerajaan sudah mengagihkan peruntukan itu kepada kementerian terbabit dan mahu projek dilaksanakan secara 'fast track'. Sepatutnya, sektor swasta juga tidak seharusnya menghadapi masalah mengembangkan operasi masing-masing supaya aktiviti ekonomi terus dikembangkan menerusi pelaburan. Malah, bank juga perlu terus memberi pinjaman kepada projek yang berdaya maju kerana sistem perbankan tempatan mempunyai kecairan yang banyak. Kita percaya, bagi projek yang berdaya maju, bank wajar memberi pinjaman bagi meningkatkan lagi kegiatan ekonomi. Malah, kerajaan turut menyediakan peruntukan RM900 juta tahun ini untuk Projek Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) khusus untuk manfaat kontraktor kelas F di seluruh negara bagi memastikan kumpulan itu tidak terjejas dengan krisis ekonomi dunia seperti diumumkan Najib di Kuala Terengganu kelmarin. Dengan usaha proaktif kerajaan dan dibantu sektor swasta termasuk bank, kita yakin negara tidak terjerumus dalam kemelesetan ekonomi seperti dialami kebanyakan negara, termasuk di Eropah dengan memastikan ada pertumbuhan ekonomi, walaupun tidak tinggi.

12 Januari 2009 (Isnin)

SSM batal pendaftaran 115,043 syarikat tak aktif

Oleh Norfatimah Ahmad tim@bharian.com.my

Gugat ketenteraman awam antara sebab dikenakan tindakan

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) membatalkan pendaftaran 115,043 syarikat sehingga Disember lalu kerana tidak aktif, berhenti menjalankan perniagaan, gagal mengemukakan laporan penyata kewangan untuk tempoh lebih lima tahun atau menggugat ketenteraman awam. Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, berkata banyak faktor yang mendorong keadaan ini dan situasi ekonomi masa kini hingga menyebabkan syarikat terbabit tidak dapat bertahan lebih lama.

"Pelbagai kaedah digunakan untuk mengesan syarikat terbabit, antaranya petunjuk pangkalan data yang dirangka SSM sejak dua tahun lalu. "Sehingga bulan lalu, 116,119 syarikat yang masih wujud tetapi tidak aktif dikesan menerusi kaedah itu dan pemantauan rapi akan diteruskan untuk memastikan hanya syarikat yang benar-benar aktif beroperasi di negara ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Abdul Karim berkata, selain itu, sebanyak 24,394 syarikat lagi di petisyen untuk dibubarkan di mahkamah, dengan proses selanjutnya adalah melantik penyelesai untuk menguruskan aset syarikat bagi tujuan melangsakan hutang. "Sebanyak 57,081 syarikat lain pula melalui proses pembatalan menggunakan Seksyen 308 Akta Syarikat 1965 iaitu sama ada pendaftar syarikat menggunakan budi bicara atau syarikat sendiri memohon untuk dibubarkan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, rekod SSM juga menunjukkan 840,703 syarikat ditubuhkan sehingga bulan lalu dengan 585,147 daripadanya masih wujud dan bergiat aktif dalam perniagaan. Selain itu, beliau berkata, SSM sedang merangka pelan strategik untuk tempoh lima tahun, berakhir 2013 bagi menyediakan ruang lebih selesa untuk pemilik syarikat dan perniagaan tempatan menjalankan operasi masing-masing. Beliau berkata, suasana ekonomi global tidak menentu dan dijangka berlarutan tahun ini menjadi antara kriteria utama yang diambil kira dalam merangka pelan strategik itu.

13 Januari 2009 (Selasa)

Sentral: Kampung berjiran Putrajaya tidak nikmati pembangunan

Oleh Haika Khazi mfaizul@bharian.com.my

100 penduduk Pulau Meranti Tambahan hidup tersisih 20 tahun

SEPANG: Antara dua darjah - mungkin itu ungkapan paling sesuai digunakan untuk menggambarkan kehidupan sehari-hari yang dilalui lebih 100 penduduk Kampung Pulau Meranti Tambahan, di sini, yang hidup dalam serba kekurangan tanpa pelbagai kemudahan asas termasuk bekalan air, elektrik dan jalan tar, sejak 20 tahun lalu. Walaupun kedudukan kampung baru itu hanya sepielaungan dari Putrajaya yang memiliki kemudahan asas bertaraf 'kelas pertama', namun keadaan Kampung Pulau Meranti Tambahan yang terletak di pinggir zon Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia), di Cyberjaya itu amat menyedihkan. Penduduk kampung berkenaan kesal terhadap sikap Pejabat Daerah Sepang; Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas); Tenaga Nasional Berhad; Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) serta wakil rakyat mereka yang didakwa kurang prihatin dengan nasib mereka.

Tinjauan Berita Harian di kampung itu mendapati, antara masalah utama yang dihadapi penduduk ialah ketiadaan bekalan elektrik, air paip, talian telefon rumah dan jalan masuk yang sempurna. Pada waktu malam, kerdipan cahaya lampu neon menerangi sekitar Putrajaya dan Cyberjaya tetapi sebaik memasuki Kampung Pulau Meranti Tambahan, keadaannya amat jauh berbeza kerana kebanyakan rumah hanya diterangi cahaya pelita atau lampu yang dihidupkan dengan menggunakan kuasa generator. Malah, penduduk bimbang untuk menyimpan barang berharga dan meninggalkan ahli keluarga terutama anak kecil dan isteri bersendirian di rumah kerana kediaman mereka sering dimasuki pencuri terutama pada waktu malam berikutan ketiadaan bekalan elektrik yang sempurna.

Seorang penduduk warga emas, Jamaludin Bajuri, 63, berkata penduduk sudah membuat permohonan kepada pihak terbabit untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik beberapa kali, namun sehingga kini maklum balas diterima nyata kurang memuaskan. Jamaludin berkata, mereka terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk membina telaga tiub dan membeli generator untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik.

"Saya berasa pelik kenapa kampung kami masih tidak mempunyai kemudahan asas lengkap seperti bekalan elektrik, air paip, jalan masuk dan talian telefon, walaupun kerajaan negeri sebelum ini mencanangkan Selangor akan muncul sebagai negeri maju menjelang 2010. "Masalah ini, bukan perkara baru, namun sampai sekarang masih tiada noktah. Bagaimanapun, saya tetap berharap suatu hari nanti kami akan dapat menikmati kemudahan bekalan air, elektrik, talian telefon dan jalan masuk lebih sempurna seperti di tempat lain," katanya.

Seorang peneroka awal kampung terbabit, Noorlan Daud, 58, berkata masalah ketiadaan bekalan air, elektrik dan jalan masuk menyebabkan beliau dan keluarganya memilih untuk menetap di rumah lama mereka di Seri Kembangan, Selangor. "Saya pernah tinggal di kampung

ini tetapi terpaksa berpindah semula ke rumah lama kerana ketiadaan jalan masuk yang sempurna menyukarkan anak saya berulang alik ke sekolah berhampiran. Mereka juga tidak dapat belajar dengan selesa kerana tiada bekalan air dan elektrik yang sempurna," katanya.

13 Januari 2009 (Selasa)

Segerakan projek pembangunan

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim jalal@bharian.com.my

PM arah peruntukan RM7 bilion dalam pakej rangsangan diguna segera

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu projek yang dirancang melalui peruntukan RM7 bilion dalam pakej rangsangan ekonomi dilaksanakan segera bagi memastikan matlamat membina kekuatan ekonomi berjaya dicapai. Perdana Menteri berkata, walaupun negara menghadapi cabaran kegawatan ekonomi, beliau yakin dengan kemampuan mengharungi cabaran itu, khususnya melalui pakej rangsangan itu. "Harapan saya supaya semua projek dapat dilaksanakan secepat mungkin supaya apa yang diharapkan daripada usaha untuk merangsangkan ekonomi menjadi kenyataan.

"Cabaran itu bukan senang untuk kita hadapi tetapi dengan ketekunan yang tinggi, insya-Allah kita akan dapat mengatasinya," katanya pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertahanan yang pertama tahun ini di padang kawad kementerian itu, di sini semalam. Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan menyampaikan Sijil 5S kementerian kepada Pengarah Depo Simpanan Pertahanan, Mohd Nor Mamat. Turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abu Seman Yusop; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Abu Bakar Abdullah dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal. Sambil merujuk kepada Kementerian Pertahanan yang turut menerima peruntukan pakej rangsangan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan bertindak proaktif memastikan negara dan rakyat dapat menghadapi cabaran kegawatan ekonomi.

"Kita menunggu dengan keadaan bersedia dan membina kekuatan ekonomi supaya apabila berlaku kegawatan ekonomi yang boleh menekan kita, negara dan rakyat dapat menghadapinya dan kesan tidak lebih buruk. "Inilah pendekatan kerajaan kerana penting bagi kita sentiasa bersedia. Ini juga perlu menjadi budaya menghadapi apa juga cabaran. Jika yang datang itu peluang, kita akan ambil peluang itu dan gunakan untuk kemajuan dan kejayaan kita, (tetapi) jika yang datang itu cabaran susah, kita mesti menghadapinya," katanya.

Perdana Menteri berharap Kementerian Pertahanan meningkatkan prestasi termasuk meningkatkan perbelanjaan pembangunan dan operasi sehingga ke tahap 100 peratus tahun ini, berbanding 80 ke 90 peratus tahun lalu. "Peruntukan pembangunan bermakna kita bukan saja menyediakan infrastruktur, malah akan merangsangkan ekonomi," katanya.

Sambil yakin pucuk pemimpin kementerian dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah menetapkan sasaran kerja bagi menambah prestasi tahun ini, Perdana Menteri berkata, negara menekankan modal insan kerana kejayaan pelaksanaan itu bukan saja memerlukan aspek fizikal dan mental.

14 Januari 2009 (Rabu)

Sentral: MTD dapat bayaran pampasan RM1.197b

Perjanjian tambahan kurang kadar tol Bentong, Gombak

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju membayar pampasan bernilai RM1.197 bilion kepada syarikat konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, MTD Prime Sdn Bhd (MTD) berikutan langkah mengurangkan kadar tol bagi Plaza Tol Bentong dan Gombak. Perkara itu terkandung dalam Perjanjian Tambahan Antara Kerajaan dan MTD bertarikh 12 Disember 2003, yang menyaksikan kadar tol di Plaza Tol Gombak hanya akan meningkat sehingga RM8 berbanding RM18 sebelum perjanjian tambahan itu dibuat bagi kenderaan kelas 1 manakala di Plaza Tol Bentong kadar tol maksimum RM5 akan dikenakan berbanding RM7.70.

Perjanjian tambahan itu juga menyatakan bahawa pembayaran pampasan dibuat menerusi pelbagai mekanisme, termasuk menambah tempoh konsesi kepada MTD untuk tempoh 28 Julai 2026 sehingga 27 Julai 2032. Selain itu, kerajaan juga menyerahkan hak, kuasa pengurusan operasi dan penyelenggaraan serta hak untuk mengutip tol kepada MTD bagi tempoh 28 tahun bermula 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2032 bagi Lebuhraya 11 yang bermula dari Karak sehingga sempadan Terengganu/Pahang.

Berdasarkan kadar tol baru yang dipersetujui, bermula 1 Januari 2002 sehingga 2006, kadar tol menurun bagi kenderaan kelas 1 (kereta) dari RM5.60 kepada RM4 dan meningkat semula kepada RM5 bermula 1 Januari 2007 hingga 2011 dan seterusnya RM6.50 (2012-2016) serta RM8 (2017 hingga 2032). Bagi Lebuhraya 11, kadar tol bermula RM12 pada 2005 sehingga 2009 dan akan meningkat RM13.20 (2010-2014), RM14.52 (2015-2019), RM15.97 (2020-2024) dan RM17.57 (2025-2032).

MTD diberi konsesi mengendali, mengurus dan mengutip tol di lebuh raya yang dibahagikan kepada dua iaitu Lebuhraya 1 yang merangkumi Plaza Tol Gombak dan Bentong sepanjang 60 kilometer manakala Lebuhraya 11 bermula dari Karak dan berakhir di sempadan Terengganu/Pahang sepanjang 169 kilometer, yang menghubungkan Pantai Barat Semenanjung ke Pantai Timur bermula dari Karak, Pahang dan berakhir di Cenering, Terengganu.

Bermula 1 Januari lalu, orang ramai boleh membuat semakan semua perjanjian konsesi antara kerajaan dan syarikat konsesi kecuali Maju Expressway yang mengendalikan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya, di Perpustakaan Kementerian Kerjaraya seperti yang dipersetujui Kabinet pada 17 Oktober lalu. Sementara itu, Projek Lebuhraya Timur Sdn Bhd yang mengendalikan

Lebuhraya Pantai Timur (LPT) bersetuju untuk memindahkan hak eksklusif mengutip tol kepada kerajaan jika sebuah agensi pengutip tol berpusat atau badan korporat dilantik bagi tujuan itu. Perkara itu terkandung dalam perjanjian konsesi LPT yang ditandatangani syarikat berkenaan dengan kerajaan pada 9 September 1998.

14 Januari 2009 (Rabu)

Lanchang bukti kejayaan pertanian Malaysia

Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan tingkat stok negara, jana sistem pengeluaran moden

Bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed sempena pelancaran projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), di Lanchang, Temerloh, Pahang, semalam

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani menjadi pemangkin transformasi sektor pertanian di negara ini, antara lain turut menyediakan projek pertanian Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Sejauh mana program itu bergerak sejajar dengan matlamatnya?

Pertanian menjadi antara sektor penting di negara ini. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) kementerian menyediakan program khas menerusi TKPM untuk membolehkan peladang mengusaha tanah kerajaan sedia ada bagi pengeluaran pelbagai jenis tanaman buah-buahan. Ketika ini sebanyak 45 projek TKPM di bawah Jabatan Pertanian diwujudkan dan salah satu daripadanya adalah di Lanchang Temerloh, Pahang. Bagi projek TKPM di Lanchang seluas 3,600 hektar itu membabitkan tiga pihak iaitu Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan usahawan tani. Di bawah konsep TKPM, kerajaan negeri menyediakan tanah bersesuaian untuk penghasilan tanaman pertanian, Kerajaan Pusat menyediakan dana pembangunan infrastruktur asas, manakala usahawan akan memajak tanah serta mengambil bahagian dalam pengeluaran pertanian.

Projek ini mempunyai kepentingan istimewa kepada kementerian kerana ia adalah usaha bersepadu menjadi wadah pembangunan ladang pertanian moden dengan pembabitan antara usahawan dan syarikat komersial. Kementerian meletakkan harapan amat tinggi terhadap kejayaan projek ini, kerana ia akan menjadi pemangkin kepada transformasi sektor pertanian di negara ini. Tunjang utama pembangunan akan berdasarkan kepada pendekatan gugusan dan diharapkan dapat meningkatkan sistem pengurusan rangkaian pembekalan dan juga sebagai kemuncak kepada pengeluaran produk pertanian berdaya saing.

Setakat ini, bagaimana komitmen peladang di Lanchang dalam merealisasikan misi kerajaan dalam meningkatkan sektor itu di negara ini?

Berdasarkan maklum balas sambutan amat menggalakkan. Permohonan yang diterima melebihi lot disediakan untuk peladangan. Keadaan ini adalah biasa dalam semua projek TKPM di negara ini. TKPM Lanchang membabitkan 400 hektar oleh pihak swasta dan 240 hektar lagi 22 usahawan tani, manakala baki 160 hektar akan dibangunkan tahun ini membabitkan 3,200 hektar (swasta) dan 3,200 hektar oleh 39 syarikat.

Bagaimana projek di Lanchang mampu mengubah landskap pertanian Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)?

TKPM Lanchang akan mempunyai kesan amat penting terhadap landskap pertanian ECER. Menerusi projek itu, ia dijangka mampu menghasilkan 60,000 tan setahun buah-buahan seperti betik, jambu batu, belimbing, pisang, nangka, mangga dan tembikai dihasilkan berdasarkan piawaian antarabangsa. Projek itu dijangka mempunyai pengeluaran tahunan sebanyak 60,000 tan dengan jangkaan nilai pasaran RM78 juta.

Ekonomi global sedang berdepan dengan kegawatan. Adakah perkembangan ini akan memberi kesan kepada projek TKPM termasuk di Lanchang?

Kelembapan ekonomi global dijangka tidak memberi kesan ekonomi yang besar kepada pembangunan TKPM Lanchang dan juga projek TKPM yang lain. Makanan adalah keperluan asas untuk kehidupan manusia. Sehingga ke satu peringkat ia tidak ditentukan oleh perkembangan ekonomi, terutama di Malaysia ketika dilanda defisit dagangan tanaman makanan yang semakin melebar. Pembangunan program untuk TKPM dijangka berjalan seperti dirancangkan.

Kewangan dikaitkan sebagai salah satu kekangan dalam peladangan buah-buahan. Bagaimana kekhawatiran ini ditangani?

Program TKPM dirangka dalam RMK-8, khusus untuk mengatasi kekangan kewangan dihadapi pelabur berpotensi dalam pengeluaran tanaman makanan. Untuk mengurangkan masalah kewangan di kalangan usahawan tani, kerajaan bersetuju membiayai kos infrastruktur asas peladangan. Kita juga bersetuju memajakkan tanah kepada usahawan berminat pada kadar yang berdaya saing. Ini bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam pengeluaran secara terus dan bersaing secara efektif sama ada pada peringkat tempatan atau pasaran antarabangsa. Pada masa sama, kita mengambil inisiatif untuk mengklasifikasikan projek TKPM sebagai projek MOA Diperbadankan untuk membolehkan semua peladang dalam projek itu mempunyai rangkaian lebih mudah untuk mendapatkan kemudahan disediakan Agrobank.

Apa peranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memastikan TKPM Lanchang memenuhi inspirasi ditetapkan?

Kementerian menyediakan pakej sokongan komprehensif untuk memastikan kejayaan TKPM Lanchang. Pakej sokongan itu meliputi kedua-duanya iaitu fasa sebelum dan selepas projek pengeluaran termasuk perkhidmatan teknikal dan kewangan. Bantuan disediakan ialah

pembangunan infrastruktur asas ladang (tempoh prapengeluaran). Ini termasuk TKPM Usahawan (pembersihan tanah, jalan ladang, sistem perparitan, bekalan air dan elektrik serta pusat kutipan ladang). Bagi TKPM swasta menyediakan infrastruktur sama, selain perkhidmatan tempoh selepas pengeluaran, pengurusan projek, perundingan teknikal, kemudahan kredit disediakan oleh Agrobank, Skim Persijilan Ladang Malaysia □ Skim Amalan Ladang Baik Malaysia dan sokongan pemasaran oleh Fama.

Bagaimana kementerian dapat membantu peladang Lanchang dari sudut latihan, bantuan kewangan dan program pengurusan?

Sepanjang tempoh itu, prestasi semua peladang di TKPM Lanchang akan dikawal selia secara berterusan oleh Jawatankuasa MOA Diperbadankan Negeri Pahang. Jawatankuasa ini diketuai Pengarah Pertanian Negeri dan anggota diambil daripada semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Apa juga masalah dihadapi dan juga bantuan diperlukan sama ada kewangan, teknikal atau pemasaran, akan dibincang dan diselesaikan sebaik-baiknya. Semua Jawatankuasa MOA Diperbadankan di setiap negeri dikawal selia oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Cabaran dijangka dihadapi peladang terutama untuk mengekalkan hasil buah-buah berkualiti mengikut piawaian antarabangsa. Apa kaedah digunakan?

Kita akui, keselamatan dan kualiti makanan syarat penting bukan saja pada peringkat domestik, malah di pasaran antarabangsa. Untuk memastikan buah-buahan yang dihasilkan oleh TKPM Lanchang mempunyai kualiti yang tinggi, Jabatan Pertanian menjadikan syarat itu mandatori kepada semua peladang untuk mendapatkan Skim Amalan Baik Ladang Malaysia (SALM). Khidmat nasihat lanjut dari segi teknikal untuk mendapatkan persijilan SALM disediakan secara terus kepada semua peladang TPBM yang mengambil bahagian oleh pegawai Jabatan Pertanian.

Untuk memastikan produk itu mempunyai tarikan utama pada peringkat antarabangsa, pelbagai usaha sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian untuk menjadikan SALM penanda aras yang mampu bersaing dengan GlobalGAP. Sementara itu, kita akan memastikan projek terbabit berjalan lancar termasuk pelbagai masalah lain seperti penjagaan rapi daripada risiko serangan serangga perosak serta lalat buah. Untuk membolehkan buah-buahan dihasilkan itu memasuki pasaran antarabangsa, kita melaksanakan program efektif mengawal populasi lalat buah di kawasan pengeluaran. Jabatan Pertanian melaksanakan program kawalan lalat buah secara komprehensif di TKPM Lanchang.

Di bawah program ini, populasi lalat buah akan dinilai setiap minggu dengan mengira jumlah lalat yang ditangkap di setiap perangkap lalat yang disediakan. Program ini dijangka akan menambah baik kualiti buah-buahan yang dihasilkan di TKPM Lanchang.

14 Januari 2009 (Rabu)

Pusat sehenti percepat pelaburan ECER

BENTONG: Mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) semalam meluluskan penubuhan pusat sehenti bagi mempercepatkan semua proses permohonan dan kelulusan berkaitan pelaburan di koridor berkenaan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Penggerusi ECERDC berkata, pusat sehenti itu berfungsi sebagai pusat hubungan setempat bagi memberi kemudahan kepada pelabur yang berminat membuat pelaburan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Beliau berkata, ia juga bagi melancarkan pelaksanaan projek kerana turut memproses permohonan pelaburan berkaitan pelbagai galakan termasuk insentif khas, sebelum diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

"Pusat ini juga akan memproses permohonan pelaburan bagi projek berimpak tinggi yang perlu mendapatkan pertimbangan Jawatankuasa Kabinet, proses lesen pengilangan dan jawatan pegawai dagang asing bagi projek yang diluluskan di ECER. "Ia akan menyenangkan kalau ada syarikat mahu buat pelaburan, mereka perlu pergi terus ke pusat ini dan boleh dapat apa juu maklumat yang diperlukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat ECERDC ketiga, di Wisma Sri Bentong, di sini petang semalam. Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Abdullah berkata, pusat sehenti itu beroperasi di Ibu Pejabat ECERDC di Kuala Lumpur serta mempunyai cawangan di setiap negeri dalam wilayah ekonomi itu iaitu Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor. Menjawab soalan, beliau berpuas hati perkembangan pembangunan di ECER yang memperuntukkan RM2.6 bilion bagi melaksanakan 107 projek mengikut Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Daripada 107 projek yang dirancang dalam ECER, Perdana Menteri berkata, 48 sudah dilaksanakan sejak tahun lalu, 29 lagi akan dilaksanakan pertengahan tahun ini, 22 dimulakan hujung tahun ini dan lapan akan siapkan pada 2010.

Mengenai kemajuan projek di ECER, katanya, Taman Plastik Kertih (KPP) berjaya menarik komitmen pelaburan RM545 juta. Ditanya sama ada projek yang dirancang dalam ECER akan terjejas berikutan krisis kewangan global, Abdullah berkata, semua projek berkenaan akan terus dilaksanakan mengikut jadual kerana memberi manfaat kepada rakyat di luar bandar.